



اَوْنُوْرُسِيْتِي تِكْنُوْلُوْجِي مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

GARIS PANDUAN

GERAN PENYELIDIKAN LESTARI

(PINDAAN TAHUN 2016)

Institut Pengurusan Penyelidikan & Inovasi (IRMI)

Universiti Teknologi MARA
Aras 3, Bangunan Wawasan
40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia
Tel : (+603) 5544 8281/8278
Faks : (+603) 5544 8280



Institute of Research Management
& Innovation

Communities of Research



SENARAI KANDUNGAN

KANDUGAN	M/S
Visi Dan Misi Universiti Teknologi MARA	3
Geran Penyelidikan LESTARI	
1.0 Pengenalan	4
2.0 Jumlah Peruntukan & Jangka Masa Projek	4
3.0 Syarat-Syarat Permohonan	4
4.0 Peraturan Kewanan	5
5.0 Peraturan Permohonan	6
6.0 Penilaian Geran	6
7.0 Etika Dan Kerahsiaan	6
8.0 Pemantauan Penyelidikan	6
9.0 Hasil Pencapaian Penyelidikan	7

VISI DAN MISI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

VISI

Menjadikan UiTM sebuah universiti unggul yang berteraskan kesarjanaan dan kecemerlangan akademik bagi menerajui dinamisme bumiputera dalam semua bidang profesional bertaraf dunia supaya terlahir graduan yang berdaya saing, global dan beretika.

MISI

Mempertingkatkan keilmuan dan kepakaran bumiputera dalam semua bidang menerusi penyampaian program profesional, penyelidikan serta penglibatan khidmat masyarakat yang berlandaskan kepada nilai-nilai murni dan etika keprofesionalan.

GARIS PANDUAN GERAN PENYELIDIKAN DALAMAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

GERAN PENYELIDIKAN LESTARI

1.0 PENGENALAN

- 1.1 Geran Penyelidikan LESTARI diwujudkan untuk menggalakkan aktiviti penyelidikan bagi menjana ilmu yang mampu menyumbang terhadap peningkatan tahap intelektual, penciptaan teknologi baru dan penyuburan budaya yang dinamik selaras dengan aspirasi negara.
- 1.2 Geran ini bertujuan untuk menerapkan budaya penyelidikan tanpa sempadan di kalangan *denominator* agar menjadi pemangkin kepada permohonan geran penyelidikan nasional dan antarabangsa.

2.0 JUMLAH PERUNTUKAN & JANGKA MASA PROJEK

Jumlah peruntukan dan jangka masa projek adalah seperti berikut:

- 1) Bidang Sains & Teknologi : RM 20,000 bagi tempoh dua (2) tahun.
- 2) Bidang Sains Sosial : RM 10,000 bagi tempoh dua (2) tahun.

3.0 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

Geran ini terbuka kepada staf akademik UiTM dengan syarat-syarat berikut: -

- 3.1 Ketua Penyelidik dan penyelidik bersama adalah staf akademik tetap / kontrak di UiTM Selangor.
- 3.2 Berkelayakan sekurang-kurangnya Sarjana (DM45 atau setara).
- 3.3 Ketua Penyelidik mestilah bukan ketua kepada mana-mana geran luar atau dalaman yang aktif.
- 3.4 Ketua Penyelidik mestilah berdaftar di bawah salah satu Komuniti Penyelidikan (CoRe).
- 3.5 Ketua Penyelidik yang cuti belajar perlu membuat pertukaran Ketua Penyelidik yang baru di kalangan penyelidik bersama projek tersebut.
- 3.6 Ketua Penyelidik dan penyelidik bersama mestilah menyumbang sekurang-kurangnya RM 10.00 sebulan kepada Dana Pendidikan UiTM.

- 3.7 Sumbangan kepada Dana Pendidikan UiTM dikecualikan sekiranya Ketua Penyelidik mempunyai projek perundingan aktif yang berdaftar dengan IRMI.
- 3.8 Staf baru yang menjadi Ketua Penyelidik mestilah aktif dalam perkhidmatan sekurang-kurangnya enam (6) bulan pada tahun semasa.
- 3.9 Staf akademik yang cuti belajar tidak dibenarkan menjadi Ketua Penyelidik tetapi beliau boleh menjadi penyelidik bersama kepada projek tersebut.
- 3.10 Setiap projek mesti mempunyai ahli penyelidik dua (2) hingga lima (5) orang termasuk Ketua Penyelidik.
- 3.11 Setiap Ketua Penyelidik layak memohon semula Geran LESTARI apabila geran tersebut telah tamat tempoh dan mencapai KPI yang ditetapkan.

4.0 PERATURAN KEWANGAN

- 4.1 Agihan perbelanjaan dan peruntukan geran tertakluk kepada pembahagian bajet sebanyak 60% pada tahun pertama dan baki 40% pada tahun kedua.
- 4.2 Perbelanjaan projek adalah dihadkan bagi vot-vot berikut:

Vot11000	Bayaran untuk Pembantu Penyelidik (RA/GRA)
Vot21000	Perjalanan, penginapan dan pengangkutan
Vot24000	Sewaan
Vot27000	Bekalan dan Bahan Penyelidikan
Vot28000	Baik pulih kecil dan Ubahsuai
Vot29000	Perkhidmatan Ikhtisas
Vot35000	Aksesori dan Peralatan

- 4.3 Bayaran Pembantu Penyelidik (RA/GRA) tidak melebihi RM 1,000 sebulan.
- 4.4 Pembantu penyelidik yang menerima biasiswa penuh (termasuk elaun sara hidup) adalah tidak layak untuk dilantik di bawah skim ini.
- 4.5 Permohonan pembantu penyelidik (RA) perlu dibuat melalui atas talian sistem iRMIs (<http://orchid.uitm.edu.my/irmis>).
- 4.6 Perjalanan ke luar negara perlu mendapat kelulusan IRMI tertakluk kepada peruntukan geran yang telah dipohon. Pembantu penyelidik hanya dibenarkan untuk mengikuti persidangan, seminar atau bengkel yang berkaitan dengan penyelidikan di dalam negara sahaja. Perjalanan ke luar negara mestilah juga mengikut peraturan UiTM.

- 4.7 Hanya Ketua Penyelidik dan ahli sahaja yang dibenarkan bagi perjalanan ke luar negara berdasarkan kriteria berikut:
- i) Perjalanan ke luar negara yang dibenarkan (sekali sahaja) adalah bagi tujuan menghadiri persidangan/seminar/bengkel/ kolokium untuk membentangkan hasil penyelidikan sahaja.
 - ii) Destinasi perjalanan tersebut mestilah merupakan tempat yang paling sesuai dan ekonomikal dari segi kemudahan, kepakaran dan pemindahan teknologi.

5.0 PERATURAN PERMOHONAN

- 5.1 Permohonan Geran LESTARI perlu menggunakan borang permohonan yang terkini melalui sistem atas talian di iRMIs (<http://orchid.uitm.edu.my/irmis/>). Proses permohonan boleh dirujuk di Lampiran A.
- 5.2 Bagi projek penyelidikan yang dibiayai oleh geran LESTARI dan sumber lain, penyelidik mestilah mengisytiharkan semua pembiayaan yang diperolehi bagi projek tersebut

6.0 PENILAIAN GERAN

- 6.1 Permohonan Geran LESTARI akan dinilai oleh panel penilai yang dilantik oleh Institut Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (IRMI).
- 6.2 Surat kelulusan akan dikeluarkan oleh IRMI kepada Ketua Penyelidik dan salinan kepada penyelidik bersama dan Ketua Jabatan.
- 6.3 Ketua Penyelidik dan penyelidik bersama perlu menandatangani borang penerimaan yang telah dilengkapkan sebelum memulakan penyelidikan.

7.0 ETIKA DAN KERAHSIAAN

Semua penyelidik mestilah mematuhi etika penyelidikan dan kerahsiaan data.

8.0 PEMANTAUAN PENYELIDIKAN

- 8.1 Semua geran penyelidikan yang telah diluluskan akan dipantau oleh Institut Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (IRMI).
- 8.2 Penyelidik mesti menghantar laporan kemajuan pada setiap enam (6) bulan secara atas talian di dalam sistem iRMIs.

- 8.3 Bagi geran ST, peruntukan tahun kedua hanya akan diberikan setelah menghasilkan sekurang-kurangnya satu (1) penerbitan berindeks dan membelanjakan sekurang-kurangnya 90% jumlah peruntukan tahun pertama.
- 8.4 Kegagalan memenuhi perkara 8.2 dan 8.3 di atas boleh menyebabkan geran penyelidikan ditamatkan serta merta.
- 8.5 Pihak IRMI akan menghantar surat pengesahan tamat penyelidikan selepas sahaja menerima laporan akhir daripada pihak penyelidik.
- 8.6 Semua perkara di atas adalah tertakluk kepada Garis Panduan Pengurusan Penyelidikan Institut Pengurusan Penyelidikan Dan Inovasi (IRMI).

9.0 HASIL PENCAPAIAN PENYELIDIKAN

- 9.1 Penyelidik mesti menerbitkan dua (2) penerbitan berindeks SCOPUS / WOS / ERA.
- 9.2 Penghargaan kepada geran LESTARI mestilah dinyatakan dengan jelas dalam setiap penerbitan.